

KAJIAN ANALISIS DARI RISALAH NUR OLEH IMAM BADIUZZAMAN SAID NURSI UNTUK PEMBENTUKAN MINDA YANG SEJAHTERA
(AN ANALYTICAL INQUIRY INTO "RISALAH NUR" BY IMAM BADIUZZAMAN SAID NURSI: A SCHOLARLY EXAMINATION OF ITS RELEVANCE IN CULTIVATING PEACEFUL COGNITIVE STATE)

Raudlotul Firdaus binti Fatah Yasin (*Corresponding author*)
*Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan,
Universiti Islam Antarabangsa, Jalan Gombak,
53100 Kuala Lumpur, Malaysia
Email: rawda@iiu.edu.my*

Mohammad Dhiya'ul Hafidh bin Fatah Yasin
*Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs)
02000, Kuala Perlis, Perlis, Malaysia
Email: dhiya@kuips.edu.my*

Muhammad Muthi'ul Haqq bin Fatah Yasin
*Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs)
02000, Kuala Perlis, Perlis, Malaysia
Email: muthi@kuips.edu.my*

*Article
Progress:*

*Submission date:
01 Jun 2023*

*Accepted date:
10 Jun 2023*

ABSTRACT

Said Nursi was a figure who brought about a wave of change in the post-Islamic Caliphate era, hence being hailed as Badiuzzaman. In the face of the secular Turkish authorities' actions of eradicating the Muslim identity, he became the center and beacon for the Turkish Muslim community in search of light. However, his influence was not limited to Turkey alone but also served as a reference for the global Islamic community, even until today. His works, especially the Risale-i Nur (Epistles of Light), have had a profound impact on individuals experiencing mental confusion, emotional distress, and in need to liberate themselves from paying attention only on this narrow world to the vast realms of both this life and the hereafter. This provides a solution by presenting the concept of a peaceful and independent mind in the form of analogies and rational scientific discussions, which is suitable for application in the context of mental well-being, a matter that is increasingly critical in today's world. This study aims to analyze the concept of constructing a sound and independent mind from the Risale-i Nur by Badiuzzaman Said Nursi. The study utilizes an inductive method to identify the most important content of the relevant work related to the journey of developing a peaceful and independent mind. The study concludes that Nursi's perspective on the concept of such mindset is holistic, grounded in the texts of the Quran

and the Sunnah, especially when considering his framework of its formation starting from the realm of the spirit and the womb, and subsequently linking it to human scientific knowledge. This study contributes to the construction of a concept of sound mind in accordance with Islamic law (Shariah) which is necessary in the context of the current mental health crisis.

Keywords: *Construction of a sound mind, independence, Risale-i Nur, Badiuzzaman Said Nursi.*

PENDAHULUAN

Minda sejahtera dan merdeka ialah elemen penting dalam pembentukan sebuah masyarakat madani. Model pembentukan masyarakat madani yang ditonjolkan oleh Rasulullah SAW dimulakan daripada pembentukan minda sejahtera dalam diri individu. Perkara ini dapat dilihat pada penekanan Rasulullah SAW terhadap kemuliaan akhlak, kesucian hati, pemurnian sikap dan kecenderungan jiwa untuk mentaati segala perintah Allah SWT dan meninggalkan segala larangan-Nya (al-Syatti, 2019: 12).

Pembentukan minda sejahtera oleh Rasulullah SAW dibuktikan dengan ketabahan para sahabat dalam menghadapi ujian. Keluarga Yasir disiksa sehingga mati, namun teguh atas keimanan. (al-Hakim, 1990: 79). Bilāl bin Rabāh disiksa sehingga kulit beliau tercabut dan melekat pada baju besi, namun imannya tidak berganjak (al-Dhahabi, 2006: 1/252). Ummu Sulaim ketika kematian anak, tetap tenang bersabar dan melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang isteri seperti biasa. (Muslim, 1955: 3:1689) Kekuatan jiwa para sahabat seperti yang ditunjukkan tidak akan tercapai melainkan dengan memandang dunia dengan pandangan minda sejahtera.

Kajian ini merupakan suatu usaha melakarkan semula pembinaan minda yang sejahtera dan merdeka daripada segala unsur yang menjejaskan kesihatan mental, kejiwaan dan kemerdekaan rohani dan intelektual seorang manusia. Sesuai dengan perkembangan semasa masa kini khususnya dalam era pandemik Covid-19 di mana statistik menyaksikan kadar kenaikan bilangan mereka yang mengalami gangguan kesihatan mental dan spiritual ke atas diri mereka termasuk penganut agama Islam sendiri. Menyedari hakikat bahawa manusia sememangnya tidak pernah sunyi dari ujian (al-Qur'an, 2:155) penyelidik berusaha menawarkan penyelesaian yang dijangkakan sesuai untuk diadaptasi di zaman ini, melalui kajian analisis dari koleksi tafsir Risalah Nur oleh Imam Badiuzzaman Said Nursi.

Koleksi ini diterbitkan ketika zaman manusia sedang diuji dengan asakan dan cabaran ideolgi sejurus selepas kejatuhan Khilafah Uthmaniah di Turki, desakan material, cabaran kerohanian dan goncangan iman. Justeru pendekatan yang digunakan dipercayai bersesuaian dengan keperluan masyarakat moden dan menepati kadar intelektual masyarakat zaman melenia ini.

Kajian ini dipercayai dapat menyumbang ke arah pendekatan yang bersifat holistik berbanding pendekatan psikologi atau perubatan semata-mata yang beracukan ilmu yang bersifat material dan fizikal sahaja. Kajian ini adalah pelengkap kepada kajian terdahulu mengenai kesejahteraan dan kemerdekaan minda yang diketengahkan oleh ulama zaman kegemilangan Islam seperti al-Ghazali, Ibn al-Jawzi, Ibn al-Qayyim dan seumpamanya, tetapi dengan keunikannya yang tersendiri khususnya dari sudut contoh-contoh yang lebih segar dan berdasarkan realiti abad ke-20 semasa lemahnya Khilafah Islam sehingga tumbangannya ia, bersama masyarakat Muslim yang telah kehilangan podium mereka sebagai bangsa paling disanjung di muka bumi ini sehingga tidak sedikit dalam kalangan merkea yang mengalami kecelaruan identiti khususnya dari sudut melihat sumber ilmu, tokoh, institusi dan gaya hidup untuk diikuti.

SOROTAN KAJIAN

Fenomena Sakit Minda

Minda sakit telah melahirkan pelbagai penyakit-penyakit lain sama ada berkenaan psikologi atau fisiologi. Ini dibuktikan dalam kajian Kasmir Kasim yang menyatakan tanda-tanda psikologi akibat tekanan emosi ialah tidak boleh menyesuaikan diri dengan rakan sebaya, mudah cemas, merasa diri terdedah kepada bahaya dan ancaman, cepat marah dan mengalami tanda-tanda kemurungan (Kassim, 1992: 42). Tanda-tanda cemas dan tidak dapat mengawal diri untuk bertenang turut dinyatakan oleh Hamdan Mohd Ali (2002, 30).

Dari sudut fisiologi pula, orang-orang yang mengalami tekanan psikologi turut menunjukkan tanda-tanda masalah dari segi kesihatan. Menurut Muhammad Shah bin Burhan (1993: 57), remaja yang mengalami tekanan psikologi sering mengalami masalah kesihatan seperti sakit perut, sakit kepala, lenguh di seluruh badan, kaki dan tangan kerap berpeluh, cepat berasa letih, tidak bermaya, tidak nyenyak tidur, berat badan naik atau menyusut secara mendadak, sesak nafas dan tangan sering mengeletar. Tanda-tanda di atas turut dinamakan sebagai simptom-simptom kardiovaskular akibat pembebasan hormon katekolamin dan asid urik (Halim, 2002: 32).

Menurut statistik Kementerian Kesihatan Malaysia (2019, 14-15), 2.3% atau >0.5 juta rakyat Malaysia dilaporkan mengalami kemurungan dengan prevalen tertinggi di Putrajaya (5.4%), seterusnya Negeri Sembilan (5.0%), Perlis (4.3%), Sabat (4.0%) dan Melaka (3.8%). 2% lelaki dan 2.6% wanita di Malaysia mengalami kemurungan. Dari segi status perkahwinan, 3.2% orang bujang, 1.8% golongan berkahwin dan 2.0% daripada golongan telah berpisah (cerai atau kematian) mengalaminya. Bahkan 424,000 kanak-kanak di Malaysia mengalami masalah mental.

Ancaman Sakit Minda Kerana Covid-19

Ancaman minda sakit pada hari ini semakin diburukkan dengan kemunculan pandemik Covid-19 yang melanda dunia bermula pada tahun 2020. World Health Organization (2020) telah melaporkan negara-negara di seluruh dunia telah mencatatkan peningkatan ketara krisis kesihatan mental dalam pelbagai bentuk. Lebih 60% dilaporkan mengalami gangguan kesihatan mental dalam kalangan kanak-kanak, remaja, orang tua dan wanita. Manakala 67% dilaporkan gangguan ketika sesi kaunseling dan psikoterapi. 35% pula dilaporkan gangguan kepada bantuan kecemasan. Tekanan psikologi ini juga dapat dilihat melalui laporan 30% gangguan kepada akses rawatan mental dan lebih 70% melibatkan gangguan di sekolah dan tempat kerja di pusat rawatan mental.

Di Malaysia, Talian Kasih telah melaporkan peningkatan laporan sebanyak 57% selepas Perintah Kawalan Pergerakan dilaksanakan. Peningkatan ini adalah susulan tekanan psikologi yang semakin meningkat atas pelbagai faktor seperti suasana keluarga yang tidak sihat, keganasan rumah tangga, trauma terpaksa tinggal serumah dengan ahli keluarga yang pernah melakukan jenayah terhadap mangsa dan juga kerana tekanan akibat perasaan takut dan cemas dijangkiti virus Covid-19 (Shanmugam, 2020: 80).

Keperluan Dalam Kajian Tentang Minda Sakit

Kajian tentang hubungan antara minda sejahtera dalam Islam dan kesannya dalam kehidupan telah banyak dilaksanakan oleh pengkaji-pengkaji di Nusantara dan lebih banyak dipelopori oleh penyelidik Indonesia di alam Melayu berbanding Malaysia dan negara-negara Asia Tenggara. Antaranya Islam dan Psikoterapi (Ros Mayasari. 2013), Mengelola Stres Dalam Perspektif Islam dan Psikologi (Susatno Yuwono. 2010) dan Menjaga Kesehatan Mental Perspektif al-Qur'an dan Hadits (Ikhwan Fuad, 2016).

Namun hasil dapatan penulis ialah kajian-kajian di atas lebih banyak mengetengahkan aspek-aspek fikrah, kerohanian, pemikiran yang diperbaharui dalam menanggapi arus

kemodenan, pemantapan akidah dan aspek-aspek berunsur kesufian. Pendekatan penulis dalam artikel ini lebih bersifat memerdekakan jiwa umat Islam akhir zaman yang masih terpengaruh dengan unsur-unsur sekularisme dari pendidikan yang beracukan ideologi kebendaan (materialisme), hak kemanusiaan (humanisme) berbanding hak-hak Tuhan dan sistem ekonomi kapitalisme yang menekan golongan bawahan kerana mengutamakan golongan atasan yang berharta. Aspek-aspek ini secara langsung memberi kesan kepada kesejahteraan mental dan jiwa dan tanpa disedari, sesuai dengan peredaran waktu, ramai manusia yang terkesan dan seterusnya menjadikan jiwa merasa tidak tenteram dan jauh dari kesejahteraan yang diharapkan.

METODOLOGI KAJIAN

Dengan mengadaptasikan metodologi kualitatif, penulis menggunakan kaedah kajian literatur dengan menganalisis bab-bab berkenaan dengan pembinaan minda yang sejahtera dan merdeka daripada koleksi kitab *Risalah Nur*, atau turut disebut *Rasa'il al-Nur*. Memandangkan terdapat beberapa versi cetakan *Rasa'il al-Nur* ini, pengkaji memutuskan untuk menggunakan cetakan digital Yayasan Hayrat di <https://risalahonline.com/> sebagai rujukan utama. Versi ini dipilih kerana kredibilitinya dari beberapa sudut. Pertama pengasas Yayasan ini, iaitu Ahmed Husrev Altinbasak ialah murid kanan dan penulis untuk Badiuzzaman Said Nursi (Hayrat Foundation, n.d.) Dari sudut pandang ilmu hadis, ia sanad yang bersambung justeru lebih dipercayai. Seterusnya, selain dalam Bahasa Turki yang merupakan bahasa asal *Rasa'il al-Nur* ini, laman ini juga menawarkan terjemahan dalam Bahasa Arab, Melayu Malaysia, Melayu Jawi, Indonesia, Rusia, Parsi, Perancis, Hausa, Belanda, Moore, Tamil, Benggali, dan Kyrgyzistan. Penawaran versi pelbagai bahasa ini membenarkan semakan silang terjemahan ini dapat dilakukan. Namun, terjemahan yang dijadikan sebagai rujukan utama ialah terjemahan Bahasa Inggeris dan Arab kerana ia diterjemah langsung dari Bahasa Turki ke bahasa-bahasa tersebut.

Analisis dilakukan menggunakan konsep tematik, dimana *Risalah al-Nur* ini dibaca lembar demi lembar, namun hanya yang dilihat berkait rapat dengan isu kesihatan mental sahaja yang dipilih. Pemilihan ini adalah satu tugas yang sukar kerana keseluruhan *Rasa'il al-Nur* ini adalah berkaitan dengan pembinaan jatidiri Muslim. Justeru penyelidik hanya mengambil apa yang dinilai sebagai berkait rapat dengan kerangka pembentukan yang ingin dikenal pasti.

Kajian seterusnya dibentang dalam bentuk deskriptif dalam lima bahagian. Didahulukan dengan pengenalan Imam Badiuzzaman Said Nursi dan *Risalah al-Nur*, sebelum diikuti dengan intipati kajian iaitu bagaimana perspektif minda sebenarnya dibina, pembentukan minda

sejahtera dari sudut rohani, interpretasi minda sejahtera merdeka dan proses pembentukan minta sejahtera.

DAPATAN KAJIAN

Tujuan utama penulisan Risalah al-Nur oleh Said Nursi adalah untuk membangkitkan kesedaran agama dalam kalangan masyarakat di Turki ketika sekularisme sedang menguasai negara tersebut. Untuk tujuan, itu beliau membahar ayat-ayat al-Quran secara mendasar dan realistik dan boleh diterima pakai oleh golongan ilmuwan mahupun masyarakat awam. Ini dapat dilihat pada kaedah huraian beliau yang menggunakan kaedah bahasa dan balaghah serta ilmu kalam dengan membandingkan akal dan realiti kehidupan (Nasir, 2018: 297). Beliau turut menggunakan gaya bahasa ringan dan keterangan mudah untuk difahami masyarakat ketika itu (Md Isa, 2020: 309). Pendekatan Said Nursi ini merupakan pendekatan baru dan istimewa dalam menerangkan ajaran Islam melalui pemahaman al-Quran untuk diamalkan oleh masyarakat ketika itu sehingga mendapat gelaran sebagai *Badi' al-Zaman* (pencetus pembaharuan) oleh ilmuwan-ilmuwan al-Azhar di Mesir ketika itu.

Pengenalan Mengenai Badiuzzaman Said Nursi Dan Risalah Nur

Badiuzzaman Said Nursi melalui *Risalah al-Nur* telah menghasilkan pelbagai panduan dan pendekatan moden dalam membentuk kesejahteraan jiwa dan minda. Dalam beberapa topik dari kitab tafsir Risalah Nur, beliau memberikan panduan dan analogi yang menarik untuk diketengahkan dalam memahami fitrah manusia dan pembentukan diri seorang individu agar mengenali dirinya sendiri, Tuhan yang menciptakannya, menanamkan kecintaan kepada pencipta tersebut sehingga dapat mencapai nikmat kelazatan rohani dan minda.

Kajian-kajian tentang Risalah al-Nur juga telah banyak dijalankan di alam Melayu. Antaranya Manhaj Pendidikan Menurut Badiuzzaman Said Nursi Dalam Risalah al-Nur (Mohd Nasir Ayub, et al. 2012), Eksistensi Tuhan Menurut Said Nursi (Alkan Junaidi, 2016) dan Ketokohan Sa'id Nursi Dalam Pentafsiran Berhubung Sunnah: Kajian Teks Dalam *Rasail al-Nur* (Muhammad Yusry Affandy, 2020).

Sebahagian besar dari pendekatan kejiwaan yang mendidik rohani bagi mengenali Tuhan telah banyak ditulis dan dikaji daripada Risalah Nur, namun aspek pembentukan minda sejahtera dan merdeka secara komprehensif masih belum banyak dihuraikan dalam kajian-kajian

akademik. Faktor ini mungkin dipengaruhi oleh keterbatasan penulisan *Risalah Nur* dalam Bahasa Melayu dan Inggeris kerana beliau telah menulis tafsir tematik dengan menggunakan medium Bahasa Arab dan Bahasa Turki Osmani atau dikenali sebagai Osmani Lejar. Badiuzzaman Said Nursi memulakan penulisan sejak 1927 dan diselesaikan dalam tempoh 25 tahun dalam tahanan penjara dan tahanan rumah. *Risalah Nur* terdiri daripada 130 bilangan jilid dan mempunyai 6000 muka surat.

Kehidupan awal Said Nursi -Said Lama- diwakafkan dalam perjuangan mempertahankan agama dan tanah air dari serangan Rusia dan kuasa Barat yang ketika itu menyerang ibu kota Empayar Islam, Turki. Setelah melarikan diri dari tahanan Rusia, beliau mewaqafkan dirinya dalam jihad di medan ilmu dan pembentukan jiwa serta minda umat Islam yang diserang dengan ideologi sekularisme. Akibatnya, banyak masa beliau dihabiskan di penjara, dibuang daerah lebih daripada 30 tahun dan menjadi tahanan di rumah sendiri. Beliau menghafal al-Quran hanya dalam tempoh 15 hari serta menghafal lebih 90 jilid kitab daripada pelbagai cabang ilmu bersumberkan pengajian Islam dan Sains Barat.

Istimewanya al-Nursi dan keberkesanan penulisan beliau adalah disebabkan pengalaman dan penguasaan ilmu beliau yang terlalu luas. Beliau hidup dalam 3 sistem pemerintahan yang berbeza termasuk zaman akhir khilafah Islam, sistem raja berperlembagaan dan akhirnya ketika Turki menjadi negara sekular yang menafikan agama sebagai tonggak kehidupan.

Asas perjuangan al-Nursi berprinsipkan mahabbah, toleransi dan gerakan positif. Atas prinsip ini, beliau tidak tunduk dengan mudah pada sistem sekularisme di masanya dan jauh sekali untuk mengalah terhadap kebatilan. Beliau tidak segan memberikan pandangan yang berasaskan kebenaran dan tidak melanggar prinsipnya sendiri.

Atas prinsip mahabbah terhadap agama, bangsa dan negara, beliau sanggup berkorban hanya ke barisan hadapan. Semangat jihad beliau diorientasikan dengan aktif medan berperangan semasa Perang Dunia Pertama. Beliau pernah berjihad di barisan paling hadapan menentang Rusia bersama anak muridnya dan menjadi komandor *battalion* memimpin 4000 angkatan tentera dalam kalangan anak muridnya menentang tentera Rusia. Dengan *battalion* kecil seperti itu, beliau tewas dan ditawan oleh musuh, namun dibebaskan dengan penuh penghormatan.

Dari segi keilmuan, beliau menguasai cabang ilmu yang terdiri daripada ilmu agama, sains, falsafah dan pemikiran. Gelaran Badiuzzaman diberikan oleh sarjana sezamannya yang terdiri dalam kalangan ilmuwan al-Azhar sebagai pengiktirafan pada keilmuan dan

kewibawaannya yang membawa arus perubahan yang dirasai bukan sahaja di Turki pada ketika itu, namun juga di seluruh dunia sehingga ke hari ini (Vahide, 2005: 76).

Apabila berbicara tentang *magnum opus* *Risalah al-Nur* yang merupakan legasi utama beliau, ia sebenarnya adalah daripada kumpulan warkah yang beliau tulis satu demi satu, dari masa ke semasa, dengan objektif tercapai untuk menjadi pemangkin kebangkitan semula Islam dan dibaca oleh jutaan manusia. Kumpulan warkah ini lalu dihimpukan dan dijadikan sebuah kitab yang dinamakan sebagai *Rasā'il al-Nūr* atau *Risalah al-Nur*. Kitab ini membahaskan topik-topik yang membentuk akal manusia semula dan menghubungkan manusia dengan cabang-cabang ilmu termasuk mengintegrasikan antara ilmu sains dan agama.

Perspektif Pandangan Minda Manusia Dalam Risalah Nur

Risalah Nur membuka dimensi pemikiran manusia khususnya yang tidak terikat dengan pemahaman tauhid bahawa hakikat perspektif minda manusia tidak terbatas kepada diri sendiri dan persekitarannya sahaja. Manusia mempunyai kaitan dengan penciptanya serta sekalian makhluk ciptaan Allah swt yang ada di sekitarnya. Manusia yang membataskan dirinya hanya kepada ruang lingkup diri sendiri dan apa yang dapat diakses oleh panca inderanya sahaja melambangkan minda yang tertutup kerana gagal memahami perspektif pandangan minda sebenar yang melangkaui batasan material semata (Said Nursi, 2017).

Definisi minda sejahtera dan merdeka adalah apabila seseorang hamba itu tidak mensyirikkan Allah SWT dengan menjadikan sikap fanatik pada tokoh tertentu sebagai perantaraan sepertimana yang disebutkan dalam al-Quran:

﴿اتَّخَذُوا أَحْبَابَهُمْ وَرُهْبَانَهُمْ أَرْبَابًا مِنْ دُونِ اللَّهِ وَالْمَسِيحَ ابْنَ مَرْيَمَ وَمَا أُمِرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا إِلَهًا وَاحِدًا
لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ سُبْحَانَهُ عَمَّا يُشْرِكُونَ﴾

Maksudnya: Mereka menjadikan pendita-pendita dan ahli-ahli agama mereka sebagai pendidik-pendidik selain dari Allah, dan juga (mereka mempertuhankan) Al-Masih ibni Maryam, padahal mereka tidak diperintahkan melainkan untuk menyembah Tuhan Yang Maha Esa; tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia. Maha Suci Allah dari apa yang mereka sekutukan (Surah al-Tawbah 9: 31)

Menurut Said Nursi, minda sejahtera dan merdeka ini adalah kurniaan Allah SWT kepada makhluk-Nya berdasarkan *tajalli* sifat *al-Rahmān*, *al-Haqq* dan ihsan daripada Allah SWT.

Dalam usaha membina minda sejahtera, manusia perlu disedarkan dengan kefahaman sudut pandang minda manusia dan usaha ini perlu diteruskan bermula dengan melihat dan mengenali *tajalli* kekuasaan dan kewujudan Allah SWT, melalui pengamatan pada diri sendiri dan seterusnya pada alam semesta. Said Nursi menekankan secara asasnya ada tiga perspektif pandangan minda manusia seperti berikut:

a) ***Perspektif Pandangan Minda Kepada Allah***

Manusia pada hakikatnya diciptakan oleh Allah SWT untuk beribadah dan melaksanakan tugas kekhalifahan di muka bumi ini. Dalam mencapai matlamat tersebut, seorang manusia perlu jelas bahawa kehadirannya adalah natijah takdir dan kehendak Allah SWT dan datang bersama amanah yang digalas. Bagi memastikan manusia taat pada perintah dan ketentuan yang ditetapkan itu, manusia perlu melihat dan meyakini bahawa Allah SWT adalah sebenar-benar pencipta melalui pandangannya terhadap seantre makhluk yang telah diciptakan oleh Allah SWT. Ini termasuk penciptaan cakerawala Bimasakti dan seisinya termasuk matahari, bintang, bulan dan sebagainya. Di samping ciptaan Allah SWT, segala makhluk ini juga ditadbir oleh zat yang Maha Berkuasa dengan kebijaksanaanNya agar manusia dapat melaksanakan tugas tersebut dengan penuh kesedaran dan ketaatan kepada Allah SWT sebagai Tuhan Pencipta dan Pentadbir Alam. Perspektif pandangan minda terhadap Allah SWT ini terangkum dalam firman Allah SWT:

﴿إِنَّ رَبَّكُمُ اللَّهُ الَّذِي خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ فِي سِتَّةِ أَيَّامٍ ثُمَّ اسْتَوَى عَلَى الْعَرْشِ يُغْشِي اللَّيْلَ النَّهَارَ يَطْلُبُهُ حَثِيثًا وَالشَّمْسُ وَالْقَمَرُ وَالنُّجُومُ مُسَخَّرَاتٌ بِأَمْرِهِ أَلَا لَهُ الْخَلْقُ وَالْأَمْرُ تَبَارَكَ اللَّهُ رَبُّ الْعَالَمِينَ﴾

Maksudnya: *Sesungguhnya Tuhan kamu ialah Allah yang menciptakan langit dan bumi dalam enam masa lalu Ia bersemayam di atas Arasy; Ia melindungi malam dengan siang yang mengiringinya dengan deras (silih berganti) dan (Ia pula yang menciptakan) matahari dan bulan serta bintang-bintang, (semuanya) tunduk kepada perintahNya. Ingatlah, kepada Allah jualah tertentu urusan menciptakan (sekalian makhluk) dan urusan pemerintahan. Maha Suci Allah yang mencipta dan mentadbirkan sekalian alam (Surah al-A'raf 7: 54)*

Dengan kesedaran minda bahawa Allah SWT adalah Tuhan yang mutlaq, Penguasa segalanya, minda manusia akan lebih bersedia untuk menerima dan mengaplikasikan apa jua ajaran dan perintahNya dalam hidup seharian. Ini juga menatijahkan minda yang sejahtera dan

jiwa yang tenteram ketika melaksanakan segala perintahNya dan meninggalkan segala laranganNya kerana keyakinan yang lahir dari perspektif minda tersebut.

b) *Perspektif Pandangan Minda Terhadap Alam Semesta*

Pandangan terhadap alam semesta akan menatijahkan kesimpulan bahawa alam ini tidak terjadi secara sendirinya dan tidak juga terbiar tanpa ditadbir dan diatur dengan sempurna. Aktiviti *tadabbur*, *tafakkur* dan *ta'aqqul* akan sentiasa membawa manusia untuk berfikir bahawa alam ini diurus tadbir oleh sehebat-hebat pentadbir yang tidak pernah alpa daripada urusannya. Selain bukti-bukti dari ayat al-Quran yang sangat banyak, pemerhatian terhadap ayat-ayat *kawniyyah* iaitu alam semesta akan memperlihatkan jendela-jendela kebesaran dan kehebatan pentadbir tersebut yang terzahir melalui *asmā' al-ḥusnā*.

Sebagai contoh, sifat Allah SWT sebagai al-Quddūs yang bermaksud Yang Maha Suci tercermin melalui proses pembersihan alam sekitar secara alami yang telah ditetapkan oleh Allah SWT, seperti samudera lautan yang luas, telah diatur dengan baik melalui *sunnatullah*. Plankton di lautan luas yang asal jumlah terlalu banyak menjadi makanan ikan-ikan kecil. Manakala ikan-ikan kecil yang jumlah asalnya jutaan bahkan bilionan dalam lautan menjadi makanan ikan-ikan besar sehingga tidak berlaku limpahan ikan kecil sehingga menjadikan laut itu penuh dengan kehadiran mereka. Ikan besar pula menjadi makanan ikan-ikan paus yang bilangannya tidak terlalu banyak sehingga tidak menjadikan ikan kecil pupus dari lautan dan manusia pula kepayahan mendapatkan bekalan makanan laut. (Said Nursi, t.t.)

Kitaran ini adalah aturan Allah SWT dalam mengurus tadbir alam semesta. Aktiviti tadabbur seperti ini memberikan perspektif minda yang sihat dan sejahtera berdasarkan ayat yang membincangkan elemen keimanan kepada Allah SWT berdasarkan kebesaran dan kehebatan urus tabdir Allah SWT, Pencipta sekalian alam. Allah SWT berfirman:

﴿أَوَلَمْ يَنْظُرُوا فِي مَلَكُوتِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا خَلَقَ اللَّهُ مِنْ شَيْءٍ وَأَنْ عَسَى أَنْ يَكُونَ قَدِ اقْتَرَبَ أَجْلُهُمْ فَبِأَيِّ حَدِيثٍ بَعْدَهُ يُؤْمِنُونَ﴾

Patutkah mereka (membutakan mata) tidak mahu memperhatikan alam langit dan bumi dan segala yang diciptakan oleh Allah, dan (memikirkan) bahawa harus telah dekat ajal kebinasaan mereka? Maka kepada perkataan yang mana lagi sesudah (datangnya Kalamullah Al-Quran) itu mereka mahu beriman? (*Surah al-A'raf* 7: 185)

Penentuan takdir, peredaran, cahaya dan interaksi bulan dengan matahari dan bumi berlaku dengan begitu teliti, sehingga menghairankan dan menggerunkan akal yang

memikirkannya. Hal ini memberi suatu gambaran kepada sesiapa yang melihatnya bahawa penentu di sebalik takdir ini yang menyusun dan mengaturkan bulan sebegini rupa mampu melakukan apa sahaja. (Said Nursi, t.t.)

c) *Perspektif Pandangan Minda Terhadap Diri Sendiri*

Melalui pandangan minda manusia terhadap Allah SWT dan mengakuiNya sebagai Zat yang Maha Mengurus segala sesuatu, seterusnya pandangan minda terhadap alam semesta yang menatijahkan bahawa alam ini pastinya ditadbir oleh Pentadbir Yang Maha Bijaksana, Said Nursi seterusnya menekankan perpektif pandangan minda manusia terhadap dirinya sendiri. (Said Nursi, t.t.) Manusia seringkali alpa memerhatikan dirinya sendiri kerana kesibukan dengan urusan dunia di sekitarnya, namun memperuntukkan masa untuk menghayati fitrah dan hakikat diri sendiri adalah satu urusan kehidupan yang sangat penting. Allah SWT mengetengahkan panduan mengenali diri sendiri yang mempunyai elemen dalaman kerohanian manusia selain daripada organ-organ fizikal dalam firmanNya:

﴿وَفِي أَنْفُسِكُمْ أَفَلَا تُبْصِرُونَ﴾

Maksudnya: *Dan juga pada diri kamu sendiri. Maka mengapa kamu tidak mahu melihat serta memikirkan (dalil-dalil dan bukti itu)?* (Surah al-Dhāriyāt 51: 21)


Proses Pembentukan Minda Sejahtera Dari Sudut Rohani

Pemeriksaan kerohanian melalui pembaikan niat, sabar, bersyukur, bertawakkal dan memperbanyak solat, doa dan zikir merupakan elemen utama minda sejahtera dalam menangani tekanan psikologi. (Susatyo Yuwono, 2020: 20-23) Ini kerana ujian dalam kehidupan merupakan *sunnatullāh* yang tidak dapat dielakkan oleh sesiapaapun. Penekanan aspek kerohanian melalui al-Quran dan Sunnah menunjukkan keutamaan tersebut dan perkara ini dijelaskan oleh ilmuwan-ilmuwan Islam. Dalam hal ini, Said Nursi dalam *Risalah al-Nur* telah menghuraikan sudu kerohanian dalam proses pembentukan minda sejahtera kepada empat bahagian iaitu proses pembentukan minda sejahtera melalui *maʿrifatullāh*, menjaga batasan daerah-daerah dalam diri manusia, menghubungkan agama dan ilmu sains dan minda bebas merdeka dalam batasan syarak.

a) ***Proses Pembentukan Minda Sejahtera Melalui Ma'rifatullāh***

Setiap individu dilahirkan bersama janjinya untuk menjadi hamba Allah yang beriman. Dalam proses tersebut, setiap insan perlu berusaha meningkatkan kadar tafakkur dalam melihat tanda-tanda ciptaan Allah (ayat *kawniyyah*) dan *tadabbur* terhadap tafsir ayat-ayat al-Quran. Secara umumnya, Said Nursi menggariskan panduan asas bagi setiap individu Muslim untuk mencapai minda sejahtera perlu melakukan usaha-usaha berikut bagi memenuhi keperluan rohani atau spiritual insani:

- 1) Melalui tafakur ayat-ayat al-Quran dan *kawniyyah*, mentadabbur dan menganalisis isinya untuk mengenali kewujudan dan kasih-sayang Allah di alam semesta
- 2) Dengan mengenali Allah SWT akan melahirkan rasa *mahabbah* iaitu kecintaan kepada Allah SWT
- 3) Manusia yang sudah mencapai *mahabbatullah* akan merasai kenikmatan ibadah dan kemudahan dalam meninggalkan larangan-Nya. Ia membuahkan kelazatan rohani ketika melakukan ketaatan serta tiada lagi keinginan untuk membuat sesuatu larangan dan menuruti hawa nafsu.
- 4) Natijah dari ketaatan dalam melaksanakan ibadah dan meninggalkan segala larangan Allah akan menatijahkan minda yang sejahtera dan merdeka dari sebarang penjajahan ideologi dan seterusnya menatijahkan kejayaan. Kejayaan tersebut dapat dinilai apabila seseorang individu itu mengecapi akhlak yang baik dan kemanisan dalam beribadah.



Rajah 1: Proses Pembentukan Minda Sejahtera dalam Risalah Nur

b) ***Membentuk Minda Sejahtera dengan Menjaga Batasan Daerah-daerah dalam Diri Manusia***

Ketika perang dunia pertama dan kedua sedang hangat dibicarakan di negara-negara berhampiran termasuk Turki sendiri, Imam Said Nursi didapati tidak terlalu menyibukkan diri dengan mengikuti perkembangan berita di corong radio sebagaimana lazimnya kebanyakan masyarakat di zaman itu. Sehingga diceritakan bahawa ada di kalangan agamawan yang tergesa-gesa meninggalkan masjid selepas solat berjemaah semata-mata untuk mengikuti perkembangan peperangan yang pada hakikatnya memberikan impak kepada minda dan emosi pendengar. Peperangan yang dahsyat itu telah mengorbankan terlalu ramai jiwa dan sedikit sebanyak menjejaskan kesejahteraan minda sejagat (Said Nursi, t.t.).

Ketika Said Nursi ditanya oleh murid beliau mengapa beliau tidak menyibukkan dirinya dengan perkara yang sedang menggegarkan dunia pada waktu itu, jawab beliau: *“Sesungguhnya modal umur adalah sangat sedikit, sedangkan perkara-perkara yang mesti dan perlu dilakukan adalah sangat banyak. Dan di sana terdapat banyak daerah yang terdapat dalam dunia setiap insan seperti daerah-daerah yang saling menceroboh antara satu dengan yang lain, bermula daripada daerah hati dan perut, daerah jasad dan rumah, daerah kejiranan dan kota, daerah tanah air dan negara, daerah bumi dan jenis manusia sehinggalah daerah orang yang memiliki kehidupan dan dunia.”*

Menurut Said Nursi, manusia perlu mengutamakan perkara yang paling penting dalam hidup ini mengikut awliyat dan susunan maslahatnya. Ini kerana umur manusia adalah terbatas dan tempoh masa untuk melakukan ibadah dan mengumpul bekalan bagi alam akhirat kelak tidaklah banyak. Justeru beliau mengumpamakan kehidupan manusia dan urusan-urusannya ibarat daerah-daerah dalam kehidupan manusia. Daerah-daerah ini memiliki ruang kecil dan besar serta berperanan mengikut saiz masing-masing. Berikut ialah susunan daerah tersebut dan hubungkaitnya dengan diri manusia:

- 1) Daerah paling kecil: Daerah hati dan perut atau disebut sebagai *qalb*, *nafs* dan syahwat
- 2) Daerah kedua (lebih besar daripada yang pertama) disebut sebagai daerah jasad dan rumah (fizikal)
- 3) Daerah ketiga disebut sebagai daerah kejiranan dan kota yang menjadi asas hubungan sosial manusia.
- 4) Daerah keempat iaitu daerah tanah air dan negara (*watan*)

- 5) Daerah kelima iaitu daerah bumi dan jenis manusia yang menghubungkan manusia dengan alam.



Rajah 2: Daerah-daerah dalam Diri Manusia (Said Nursi, t.t.)

Daerah besar memerlukan tumpuan yang kecil dan daerah kecil memerlukan tumpuan besar. Kata Said Nursi (t.t.) lagi:

Dan nescaya terdapat satu tugas bagi setiap manusia dalam setiap daerah sedikit sebanyak, akan tetapi tugas yang paling besar, paling kekal dan paling penting adalah tugas yang terdapat dalam daerah yang paling kecil. Dan nescaya dalam daerah yang paling besar terdapat satu tugas yang paling kecil dan mungkin bersifat sementara dari satu masa ke masa yang lain.

Dalam proses pembentukan minda sejahtera, seorang individu perlu meletakkan priority pada daerah yang paling besar iaitu hati dan nafsunya sendiri. Hati itu perlu dididik dan nafsu perlu ditadbir agar tidak melangkaui had-had Batasan syariat serta menghayati amal ibadah yang sedang dilakukan. Sekiranya ibadah seharian yang dilaksanakan itu tidak hadir bersama dengan hati yang khusyuk dan penuh *raja'* dan pengharapan kepada Allah, nescaya minda yang berfikir tidak akan beroleh kesejahteraan meskipun akalunya mempunyai pengetahuan dan fikirannya diberi kefahaman. Demikian juga nafsu yang dibiarkan liar tanpa dikawal dan diselia dengan bersungguh-sungguh, menatijahkan minda yang tidak tenteram kerana segala keinginan

dan syahwatnya tidak semua terpenuhi kerana fitrah nafsu manusia sememangnya tidak pernah puas meskipun dituruti segala keinginannya.

c) *Pembentukan Minda Sejahtera Dengan Menghubungkan Agama Dan Ilmu Sains*

Perkembangan ilmu Sains pada zaman moden dari negara Eropah telah menimbulkan persepsi agama itu adalah jumud dan membawa kepada kemunduran tamadun. Hal ini disangkal oleh Said Nursi dan menegaskan bahawa hakikat beragama itu tidak bercanggah dengan pemikiran saintifik. Kegagalan menghubungkan antara agama dan ilmu Sains akan menyebabkan hilang nilai beragama dan agama hanya tinggal sekadar simbolik tanpa nilai peradaban tinggi. Pemahaman ini yang menyebabkan ramai dari kalangan orang Islam menolak agama kerana mengutamakan ilmu Sains dalam kehidupan. Said Nursi (t.t.) berkata:

Cahaya sanubari ialah ilmu agama sementara nur bagi akal ialah sains moden. Melalui gabungan kedua-dua ini, hakikat akan muncul. Dengan dua sayap tersebut, himmah (keazaman) para pelajar akan meningkat. Ketika kedua-duanya terpisah, akan lahir pada pertamanya sifat taksab dan pada keduanya sifat keraguan.

d) *Minda Bebas Merdeka Dalam Batasan Syarak*

Minda bebas merdeka difahami sebagai kebebasan berfikir tanpa ada pengikat yang menghadkan batasan pemikiran. Setiap inividu diberikan kebebasan untuk menyatakan pandangan dalam apa jua perkara walaupun melibatkan isu keagamaan dan ketuhanan. Perkara ini ditolak oleh Said Nursi dan menjelaskan kebebasan seperti itu bukanlah kebebasan mutlak, sebaliknya satu bentuk belenggu baru di mana ia memberi kebebasan untuk menghinda dan menindas atas alasan kebebasan. Minda bebas merdeka sepatutnya memerdekakan individu dan masyarakat, bukan mendatangkan kesempitan dan perhambaan kepada manusia lain. Minda bebas merdeka yang *syar'ī* atau *hurriyyah syar'īyyah* datang dalam dua perkara:

- 1) Tidak menghina pihak lain melalui penganiayaan dan penindasan dan tidak menjatuhkannya ke dalam kehinaan dan tidak menghina diri di hadapan mereka yang zalim. Sejarah Islam menggambarkan bagaimana pentadbiran kerajaan Islam menjamin orang-orang yang bukan Muslim.
- 2) Mereka menjadi hamba Allah yang hakiki tidak akan menjadi hamba kepada selain-Nya. Oleh itu, sekalipun masyarakat Muslim dijajah, tetapi mereka tidak tunduk dengan kuasa penjajahan akur dengan sistem mereka.

Interpretasi Minda Sejahtera Merdeka dalam Perspektif Risalah Nur

Tafsiran salah mengenai kemerdekaan: Seseorang boleh melakukan perbuatan fasik, dosa, keburukan, kejelekan, maksiat dengan syarat dosanya itu tidak memudaratkan orang lain. Jawab al-Nursi:

Mereka tidak menawarkan kebebasan. Sebaliknya mereka menawarkan kefasikan, keburukan dan kejelekan mereka. Mereka mencantas dengan alasan kebuda-budakan, sedangkan kebebasan yang halus itu beradab dan terhias dengan adab-adab syariah. Kebebasan dalam kefasikan, keburukan, dan kejelekan bukanlah kebebasan, bahkan ia adalah jajahan untuk syaitan dan tawanan nafsu amarah. Kebebasan adalah hasil daripada komponen-komponen kebebasan semua individu, dan kebebasan tidak boleh memudaratkan diri kamu atau orang lain. Kesempurnaan kebebasan tidak boleh terpisah dan menghina kebebasan orang lain. Sesungguhnya apa yang dikehendaki adalah kebenaran tetapi perjuangannya tidak berada pada jalan kebenaran.

a) *Tamadun Baru Barat vs Tamadun Al-Quran*

Kuasa besar barat telah membentuk satu kefahaman yang jelas berbeza daripada ajaran al-Quran dalam konteks mendefinisikan erti kemerdekaan hakiki yang dikecapi oleh seseorang insan. Idea-idea yang diketengahkan oleh Barat adalah bersifat *self-centric* dan tidak mencakupi seluruh masyarakat dalam sesebuah negara. Apabila disusuri ketamadunan Barat, kita akan melihat perkara-perkara berikut:

- 1) Menerima “kekuatan” sebagai noktah sandaran dalam kehidupan bermasyarakat manusia.
- 2) Menganggap manfaat sebagai tujuannya. Ia menjadi perdebatan sebagai dustur kehidupannya.
- 3) Menerima perkauman dan semangat kebangsaan yang negatif sebagai tali pengikat kumpulan-kumpulannya.
- 4) Manakala *dustur* (matlamatnya) ialah sesetengah perkara lagha demi mententeramkan keinginan nafsu dan menambahkan manusia.

Sementara tamadun al-Quran menawarkan idea pembentukan komuniti minda sejahtera yang holistik:

- 1) Noktah persandaran ialah menerima kebenaran.
- 2) Matlamatnya menerima kelebihan dan reda ilahi.

- 3) Menjadikan *dustur* tolong menolong sebagai asas dalam kehidupan. Sebagai ganti kepada perkauman dan kebangsaan ia menerima ikatan agama, kelas dan negara sebagai tali pengikat kumpulan-kumpulan.
- 4) Matlamatnya menghalang kemelampauan keinginan nafsu yang haram, lalu mendorong roh kepada ketinggian dan menjamin keinginan yang tinggi dan mendorong manusia kepada kesempurnaan kemanusiaan lalu menjadikannya insan sebenar.

b) *Erti kebebasan sebenar*

Kebebasan mengikut definisi Barat adalah satu bentuk penindasan baru seperti yang telah dihuraikan di atas. Oleh itu, Said Nursi menjelaskan kebebasan yang hakiki adalah kebebasan yang mengikut sempadan agama, iaitu:

- 1) Tiada sesiapa yang boleh menguasai orang lain kecuali undang-undang, keadilan dan disiplin.
- 2) Oleh itu, hak-hak semua orang mestilah dijaga dan dipelihara, dan semua orang dalam skop yang dibenarkan bebas bergerak dengan kebebasan mutlak dan dapat memahami rahsia tegahan Allah. (al-Qur'an (3):64)

Justeru, orang-orang yang sebenar-benar menjadi hamba kepada Tuhannya yang diikat dengan iman, ketinggian dan kemuliaan imannya tidak akan membiarkan dia jatuh ke dalam kehinaan, dan masuk dalam penguasaan dan kezaliman orang lain sebagaimana kebaikan imannya tidak membenarkan dia mencabul kebebasan dan hak orang lain.

Khadam yang benar kepada sultan itu takkan menjatuhkan diri dengan menghina seorang yang lemah, sebagaimana dia takkan menjatuhkan diri dengan menghina dan merendahkan orang miskin. Oleh itu, semakin sempurna iman itu semakin menyerlah kebebasan. Itulah zaman kebahagiaan dan sebaik-baik kurun.

Proses Perjalanan Pembentukan Minda Sejahtera

Menurut Said Nursi, minda sejahtera tidak dibentuk dalam kehidupan duniawi semata-mata, bahkan ia bermula lebih awal daripada itu. Beliau menegaskan manusia telah pun menjalani pembentukan minda sejahtera sejak awal penciptaan diri sebagai ruh sebelum masuk ke alam rahim dan seterusnya lahir ke dunia. Setiap fasa-fasa ini diperincikan dalam al-Quran dan mempunyai nilai signifikasi yang tinggi dalam proses pembentukan minda sejahtera.

a) *Pembentukan Minda di Alam Roh*

Pembentukan minda sejahtera bermula dari awal kehidupan manusia di alam roh apabila seluruh manusia diambil kesaksiannya di hadapan Allah SWT bahawa setiap insan akan beriman dan mengakui bahawa Allah SWT adalah Tuhan sekalian alam. Peristiwa ini dinukilkan di dalam firman Allah SWT:

وَإِذْ أَخَذَ رَبُّكَ مِنْ بَنِي آدَمَ مِنْ ظُهُورِهِمْ ذُرِّيَّتَهُمْ وَأَشْهَدَهُمْ عَلَى أَنْفُسِهِمْ أَلَسْتُ بِرَبِّكُمْ قَالُوا بَلَى شَهِدْنَا أَنْ تَقُولُوا يَوْمَ الْقِيَامَةِ إِنَّا كُنَّا عَنْ هَذَا غَافِلِينَ

Maksudnya: *"Dan (ingatlah wahai Muhammad) ketika Tuhanmu mengeluarkan zuriat anak-anak Adam (turun-temurun) dari (tulang) belakang mereka, dan Ia jadikan mereka saksi terhadap diri mereka sendiri, (sambil Ia bertanya dengan firmanNya): "Bukankah Aku tuhan kamu?" Mereka semua menjawab: "Benar (Engkaulah Tuhan kami), kami menjadi saksi". Yang demikian supaya kamu tidak berkata pada hari kiamat kelak: "Sesungguhnya kami adalah lalai (tidak diberi peringatan) tentang (hakikat tauhid) ini" (Surah Al-A'rāf 7: 172).*

Dengan kesaksian tersebut, minda manusia yang pada waktu itu merupakan sebahagian daripada entiti roh itu sendiri telah dipasakkan dengan memori bahawa apabila mereka lahir ke muka bumi ini, hendaklah mereka memperakui kesaksian itu dan beriman dengan agama fitrah yang luhur iaitu mentauhid dan mengesakan Tuhan Yang Maha Satu.

b) *Pembentukan Minda di Alam Rahim*

Menyedari asas kehidupan manusia di muka bumi ini bermula dari alam rahim, justeru sebelum roh tersebut ditiup ke dalam janin, minda seorang ibu yang mengandungkan janin tersebut akan mempengaruhi proses pembentukan minda seorang anak. Seterusnya proses pembesaran dan kelahiran sehinggalah ke liang lahad, minda manusia akan terus berkembang sesuai dengan pendidikan dan persekitaran sehinggalah proses itu terhenti akibat penuaan dan kenyanyukan yang merupakan fitrah dan sunnah kehidupan bagi sesetengah manusia yang dilanjutkan usianya oleh Allah SWT. Ini dapat difahami melalui firman Allah SWT:

﴿يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِن كُنْتُمْ فِي رَيْبٍ مِّنَ الْبَعْثِ فَإِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِّن تُرَابٍ ثُمَّ مِّن نُّطْفَةٍ ثُمَّ مِّن عَلَقَةٍ ثُمَّ مِّن مُّضْغَةٍ مُّخَلَّقَةٍ وَغَيْرِ مُخَلَّقَةٍ لِّنُبَيِّنَ لَكُمْ وَنُقَرُّ فِي الْأَرْحَامِ مَا نَشَاءُ إِلَى أَجَلٍ مُّسَمًّى ثُمَّ نُخْرِجُكُمْ طِفْلًا ثُمَّ لَتَبَلُّغُوا أَشُدَّكُمْ وَمِنْكُمْ مَّن يُّتَوَفَّى وَمِنْكُمْ مَّن يُّرَدُّ إِلَى أَرْدَلِ الْعُمُرِ لِكَيْلَا يَعْلَمَ مِن بَعْدِ عِلْمٍ شَيْئًا وَتَرَى الْأَرْضَ هَامِدَةً فَإِذَا أَنزَلْنَا عَلَيْهَا الْمَاءَ اهْتَزَّتْ وَرَبَتْ وَأَنْبَتَتْ مِن كُلِّ زَوْجٍ بَهِيجٍ﴾

Maksudnya: “Wahai umat manusia, sekiranya kamu menaruh syak (ragu-ragu) tentang kebangkitan makhluk (hidup semula pada hari kiamat), maka (perhatikan kepada tingkatan kejadian manusia) kerana sebenarnya Kami telah menciptakan kamu dari tanah, kemudian dari setitik air benih, kemudian dari sebuku darah beku, kemudian dari seketul daging yang disempurnakan kejadiannya dan yang tidak disempurnakan; (Kami jadikan secara yang demikian) kerana Kami hendak menerangkan kepada kamu (kekuasaan Kami); dan Kami pula menetapkan dalam kandungan rahim (ibu yang mengandung itu) apa yang Kami rancangkan hingga ke suatu masa yang ditentukan lahirnya; kemudian Kami mengeluarkan kamu berupa kanak-kanak; kemudian (kamu dipelihara) hingga sampai ke peringkat umur dewasa; dan (dalam pada itu) ada di antara kamu yang dimatikan (semasa kecil atau semasa dewasa) dan ada pula yang dilanjutkan umurnya ke peringkat tua nyanyuk sehingga ia tidak mengetahui lagi akan sesuatu yang telah diketahuinya dahulu. Dan (ingatlah satu bukti lagi); Engkau melihat bumi itu kering, kemudian apabila Kami menurunkan hujan menimpanya, bergeraklah tanahnya (dengan tumbuh-tumbuhan yang merecup tumbuh), dan gembur membusutlah ia, serta ia pula menumbuhkan berjenis-jenis tanaman yang indah permai (Surah al-Hajj 22: 5).

Berdasarkan ayat di atas, ia menggambarkan proses kejadian asal manusia (daripada tanah) secara beperingkat sehinggalah menjadi manusia sempurna kemudian kembali menjadi tanah, seiringan dengan proses pembentukan minda tersebut.

Pembentukan minda sejahtera hakikatnya bermula dari alam rahim. Justeru, gaya hidup ibu mempengaruhi perkembangan minda anak di dalam rahim termasuklah pengambilan makanan oleh ibu, pengurusan emosi dan tekanan serta faktor-faktor persekitaran yang lain. Hal ini kerana ia boleh mempengaruhi pembentukan karakter anak-anak yang lahir kelak.

c) *Perjalanan Pembentukan Minda Dalam Hidup Manusia*

Menyedari perjalanan panjang yang dilalui setiap roh manusia sejak di alam roh, kemudian alam rahim, alam kehidupan manusia dari bayi sehingga dewasa dan menjadi tua, pembentukan minda sejahtera amatlah perlu dititik beratkan bagi memastikan perjalanan hidup yang berlandaskan firman Allah SWT:

﴿اللَّهُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ ضَعْفٍ ثُمَّ جَعَلَ مِنْ بَعْدِ ضَعْفٍ قُوَّةً ثُمَّ جَعَلَ مِنْ بَعْدِ قُوَّةٍ ضَعْفًا وَشَيْبَةً يَخْلُقُ مَا يَشَاءُ وَهُوَ الْعَلِيمُ الْقَدِيرُ﴾

Maksudnya: “Allah yang menciptakan kamu bermula dengan keadaan lemah, selepas berkeadaan lemah itu Dia menjadikan kamu kuat. Setelah itu Dia menjadikan kamu lemah pula serta tua beruban. Ia menciptakan apa yang dikehendaki-Nya, dan Dia jua yang Maha Mengetahui, lagi Maha Kuasa” (Surah al-Rum 30: 54)

Ayat di atas menjelaskan proses kehidupan manusia yang mengalami fasa-fasa peralihan dan perkembangan fizikal dan minda. Bermula sebagai seorang yang dhaif dan tidak mempunyai apa-apa, kemudian diberikan kekuatan dan didikan sehingga mereka mampu menjadi manusia yang dewasa dan kuat, seterusnya mereka akan kembali menjadi insan yang tidak lagi berdaya disebabkan faktor usia kian menua.

KESIMPULAN

Hasil kajian mendapati bahawa pembentukan minda sejahtera dan merdeka merupakan salah satu agenda penting yang dibawa oleh Badiuzzaman Said Nursi dalam memastikan umat Islam yang terjajah dari sudut idealisme dan cara hidup sekular pada zaman itu masih dapat berpegang teguh dengan ajaran Islam. Hasilnya dapat dilihat pada hari ini melalui pengajian kitab Risalah Nur di seluruh pelusuk negara Turki dari Istanbul hingga Turkistan (kini dikenali sebagai Xinjiang, China), masyarakat Islam yang berpegang teguh dengan prinsip kesejahteraan dan kemerdekaan minda yang dibawah oleh Said Nursi telah membuktikan bahawa mereka sukar dijajah sama ada secara fizikal mahupun spiritual.

Dalam menjelaskan perkara itu, Badiuzzaman Said Nursi telah memberi definisi baru dan melakar semula kerangka minda merdeka menurut perspektif Islam. Beliau juga turut memperjelaskan perbezaan utama antara kerangka berasaskan syarak ini dengan konsep yang difahami oleh Barat, tetapi dalam masa yang sama mengikat antara agama dengan sains, justeru mengasingkan antara prasangka dan ilmu yang datang dari dunia barat. Yang pertama ditolak, dan yang kedua diterima.

Pembinaan minda merdeka di sisi Badiuzzaman Said Nursi bermula dengan pembinaan perspektif seorang insan itu sendiri, merangkumi perspektifnya terhadap Pencipta alam ini, alam ini, kemudian dalam diri insan itu sendiri. Peringkat ketiga ini diperhalusi lagi dengan dibahagikan kepada daerah pusat (dalam) diri; fizikal; komuniti kecil; negara dan seterusnya manusia sejagat.

Dari sudut yang lain, pembentukan minda merdeka yang sebenar itu tidak terhad pada pendidikan kognitif dan afektif semasa, tetapi turut terkait dengan pembinaannya di alam roh dan alam rahim. Ia jelas lebih tuntas dan mapan. Impak utama daripada kajian ini pula ialah pembinaan satu konsep minda sejahtera yang sesuai diaplikasikan dalam konteks krisis kesihatan minda pada hari ini.

CADANGAN

Legasi Badiuzzaman Said Nursi yang begitu unik, menyeluruh dan tersebar di pelbagai pelusuk dunia Islam, didakwa telah memberi impak pada golongan yang mempelajarinya. Justeru, kajian ini mencadangkan keberkesannya terus dikaji agar menyumbang ke arah pemulihan sakit minda yang berleluasa dalam masyarakat masa kini, yang tidak dinafikan perlu kepada kajian yang lebih mendalam yang diperkaya dengan panduan al-Qur'an dan Sunnah, khususnya dari segi keberkesannya.

RUJUKAN

- Al-Dhahabī, Muḥammad bin Aḥmad. (2006). *Siyar A'ālam al-Nubalā'*. Kaherah: Dār al-Ḥadīth.
- Al-Ḥākim, Muḥammad bin 'Abd Allāh. (1990). *Al-Mustadrak 'Alā al-Ṣaḥīḥain*. Tahkik Muṣṭafā 'Abd al-Qādir 'Āṭā. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Syaṭṭī, Muḥammad Yūsuf. (2009). *Al-Manhaj al-Nabawī Fī Taqwīm al-Akḥṭā'*. Kuwait: al-Maktabah al-'Āmiriyyah.
- Ayub, Mohd Nasir and Sabjan, Muhammad Azizan and Ramli, Abdul Rasyid and Taha, Mohd Marbawi and Mat Hassan, Surita Hartini. (2012). *Manhaj Pendidikan Menurut Badiuzzaman Said Nursi Dalam Risalah Al-Nur. The 9th Regional Symposium of the Malay Archipelago*. Universiti Teknologi MARA.
- Burhan, Muhammad Shah. (1993). *Kajian Terhadap Tekanan di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Bandar dan Luar Bandar di Negeri Sembilan*. Bangi: UKM (Tesis Sarjana).
- Halim, Fatimahwati. (2002). *Tekanan di Tempat Kerja Dalam Pasca Sidang Seminar Psikologi-PSIMA 2*, Yahaya Mahamood & et al (ed.). Bangi: Jabatan Psikologi UKM.
- Hayrat Foundation. (t.t.) The Risale-I Nur Corpus. <https://risalahonline.com/>
- Junaidi, Alkan. (2016). *Eksistensi Tuhan Menurut Said Nursi (Studi Terhadap Kitab Risalah Al-Nur)*. Manthiq: Jurnal Filsafat Agama Dan Pemikiran Islam. Sumatera: Institut Agama Islam Negeri Bengkulu.
- Kassim, Kasmini. (1992). *Psikiatri Kanak-Kanak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- KKM. (2019). *Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi 2019*. Shah Alam: Institut Kesihatan Negara.
- Md Isa, Muhammad Yusry Affandy dan Zulkifli, Faid. (2020). *Ketokohan Sa'Id Nursi Dalam Pentafsiran Berhubung Sunnah: Kajian Teks Dalam Rasail Al-Nur. 7th International Prophetic Conference (SWAN) 2020*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Mohd Ali, Hamdan. (2002). *Meredakan Stress Melalui Sukan. Dalam Pasca Sidang Seminar Psikologi-PSIMA 2*, Yahaya Mahamood & et al (ed.). Bangi: Jabatan Psikologi UKM.
- Muslim, bin al-Ḥajjāj. (1955). *Ṣaḥīḥ Muslim*. Tahkik Muḥammad Fu'ād 'Abd al-Bāqī. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī.
- Nasir, M. I., & Firdaus, M. G. (2018). *Metodologi Penafsiran Said Nursi Dalam Isyaratu Al-I'jaz Fi Mazann Al-I'jaz. Jurnal Diskursus Islam*. Vol. 6, no. 2, h. 281-301.
- Said Nursi, Badiuzzaman. (t.t). *Risale-I Nur Corpus*. Terjemahan ke Bahasa Inggeris oleh oleh Spiker, Hasan dan Öztaş, Hamza B. Istanbul: Hayrat Publishing. Diakses melalui <https://risalahonline.com/>.
- Said Nursi, Badiuzzaman, (2017), *Rasā'il al-Nur, al-Kalimat, al-Kalimah al-Ula*. Diakses di <http://www.iqra.rasaelahour.com/2017/06/08/الكلمة-الثانية/> pada 28 Ogos 2021.
- Shanmugam, Hemavathi, Juhari, Johan Ariff, Nair, Pritiss, Ken, Chow Soon and Guan, Ng Chong. (2020). *Impacts of COVID-19 Pandemic on Mental Health in Malaysia: A Single Thread of Hope. Malaysian Journal of Psychiatry Ejournal*. Vol. 9, no. 21, h. 78-84.
- Vahide, Sukran. (2005). *Islam In Modern Turkey: An Intellectual Biography Of Bediuzzaman Said Nursi*. New York: State University of New York Press.
- WHO. (2020, 5 Oktober). COVID-19 Disrupting Mental Health Services In Most Countries. <https://www.who.int/news/item/05-10-2020-covid-19-disrupting-mental-health-services-in-most-countries-who-survey>. Diakses pada 28 November 2021.
- Yuwono, Susatyo. (2010). *Mengelola Stres Dalam Perspektif Islam dan Psikologi. PSYCHO IDEA*, Tahun 8 No. 2 Juli 2010, (Universitas Muhammadiyah) h. 14-26.